

**TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL**

**MENTERI**

**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM  
NEGERI &**

**HAL EHWAL PENGGUNA**

**MAJLIS KONVOKESYEN POLITEKNIK  
SEBERANG PERAI KE-18**

**1 SEPTEMBER 2018 (SABTU)**

**DEWAN SERI MUTIARA, POLITEKNIK  
SEBERANG PERAI**

**BISMILAH...**

**TERIMA KASIH PENGACARA MAJLIS,**

**ASSALAMUALAIKUM W.B.T DAN SALAM SEJAHTERA**

**ALHAMDULILLAH, SETINGGI-TINGGI KESYUKURAN KE HADRAT ILLAHI DENGAN IZIN DAN LIMPAH KURNIA-NYA, KITA BERPELUANG BERKUMPUL BAGI MERAIKAN MAJLIS KONVOKESYEN POLITEKNIK SEBERANG PERAI KE-18.**

**INI MENJADI KEBANGGAAN DAN SAAT YANG DI TUNGGU BAGI SETIAP PARA GRADUAN, IBU BAPA DAN PENSYARAH YANG TELAH BERTUNGKUS-LUMUS DALAM MEMASTIKAN PARA GRADUAN PADA HARI INI BERJAYA MENGGENGAM SEGULUNG DIPLOMA.**

**JUTAAN TERIMA KASIH DIUCAPKAN KEPADA POLITEKNIK SEBERANG PERAI ATAS KESUDIAN MENJEMPUT SAYA PADA HARI YANG BERSEJARAH INI BAGI MERASMIKAN SIDANG PERTAMA MAJLIS KONVOKESYEN KALI KE-18 DAN SETERUSNYA MENGANUGERAHKAN DIPLOMA KEPADA PARA GRADUAN.**

**POLITEKNIK SEBERANG PERAI BERJAYA MENGHASILKAN SERAMAI 30,923 GRADUAN TERMASUK 1,607 ORANG YANG DIRAI PADA TAHUN INI. SAYA JUGA YAKIN GRADUAN POLITEKNIK**

**SEBERANG PERAI YANG BERADA DI DALAM DEWAN INI MAHUPUN DI LUAR SANA MERUPAKAN ANTARA PENYUMBANG UTAMA KEPADA PERTUMBUHAN DAN PENJANAAN EKONOMI NEGARA KITA.**

**SECARA UMUMNYA TENAGA PEKERJA BERKEMAHIRAN TINGGI DILIHAT SEBAGAI SUMBER PENTING DALAM MENJAMIN PERTUMBUHAN INDUSTRI YANG LEBIH MAMPAN DAN MEMBANGUNKAN SEBUAH NEGARA. INI AMAT BERSESUAIAN DENGAN TEMA KONVOKESYEN PADA HARI INI IAITU “GRADUAN TVET PEMACU REVOLUSI INDUSTRI”**

**KADAR PURATA KEBOLEHPASARAN GRADUAN MENINGKAT SEBANYAK 1.8% KEPADA 79.1% PADA TAHUN LALU, BERBANDING 77.3% TAHUN 2016. KADAR PURATA KEBOLEHPASARAN GRADUAN DI INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI DI NEGARA INI MENINGKAT SEBANYAK 4% BAGI TEMPOH EMPAT TAHUN MULAI 2014 HINGGA 2017.**

**KECANGGIHAN TEKNOLOGI MASA KINI TELAH MEWUJUDKAN DUNIA TANPA SEMPADAN DAN INI PERLU DILIHAT SEBAGAI PELUANG UNTUK MENINGKATKAN PRESTASI DIRI DENGAN PELBAGAI KEMAHIRAN BAHARU SEBAGAI PERSIAPAN DAN CABARAN MENAKLUK DUNIA PEKERJAAN.**

**POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI MEMAINKAN PERANAN UTAMA DAN BERTANGGUNGJAWAB MENYEDIAKAN PARA**

**GRADUAN UNTUK MENDEPANI REVOLUSI PERINDUSTRIAN KEEMPAT ATAU INDUSTRI 4.0.**

**INDUSTRI 4.0 SERING DIGUNAKAN UNTUK MERUJUK KEPADA PROSES PEMBANGUNAN DALAM INDUSTRI PENGELUARAN DAN AUTOMASI KE TAHAP LEBIH PINTAR DENGAN TEKNOLOGI YANG LEBIH SESUAI DAN FLEKSIBEL. REVOLUSI INDUSTRI 4.0 INI BAKAL MENJANA PERTUMBUHAN EKONOMI, SOSIAL DAN PEMBANGUNAN KE ARAH PENDIGITALAN YANG HOLISTIK.**

**BEBERAPA USAHA TELAH DIJALANKAN UNTUK MENGGALAKKAN PROGRAM INOVASI BERASASKAN PERMINTAAN IAITU MELALUI PROGRAM RANGKAIAN PENYELIDIKAN AWAM-SWASTA (PPRN). PPRN MEMAINKAN PERANAN PENTING DALAM MEMACU PENINGKATAN PRODUKTIVITI SERTA PEMBANGUNAN EKONOMI MALAYSIA.**

**SEJAK 2015 SEHINGGA KINI, SEBANYAK 93 GERAN BERNILAI RM3.34 JUTA TELAH DIAGIHKAN KEPADA POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI SELURUH NEGARA YANG MELIBATKAN 75 PRODUK.**

**SYABAS DAN TINGGI HARAPAN AGAR POLITEKNIK AKAN BERTERUSAN MELAHIRKAN MODAL INSAN HOLISTIK DAN DINAMIK DEMI MEREALISASIKAN HASRAT NEGARA. JUGA DAPAT MEWUJUDKAN EKONOMI BERTERASKAN PENGETAHUAN YANG**

**DIGERAKKAN OLEH DAYA KREATIVITI, INOVASI SERTA NILAI TAMBAH YANG TINGGI.**

**KUALITI GRADUAN DALAM SISTEM PENDIDIKAN DAN LATIHAN TEKNIKAL SERTA VOKASIONAL (TVET) HARUS BERADA PADA TAHAP KEBOLEHPASARAN YANG TINGGI SELARAS DENGAN KEPERLUAN DAN KEHENDAK KERJAYA MASA KINI. GRADUAN PERLU KREATIF DALAM MENCARI PELUANG PEKERJAAN DAN JUGA RUANG MENJANA EKONOMI.**

**MEREKA MERUPAKAN SATU DARIPADA ASPEK PENTING DALAM MEMASTIKAN PENINGKATAN PRODUKTIVITI SERTA KELANCARAN ORGANISASI SERTA PEMBANGUNAN NEGARA. GRADUAN TVET JUGA PERLU DIMANTAPKAN DAN DIKEMBANGKAN SECARA HOLISTIK EKORAN CABARAN BIDANG KERJAYA MASA KINI YANG SEMAKIN MODEN MELALUI APLIKASI ROBOTIK DAN DIGITAL.**

**KEJAYAAN GRADUAN POLITEKNIK DI BIDANG PEKERJAAN YANG MEMERLUKAN KEMAHIRAN TINGGI MEMBUKTIKAN MEREKA TELAH BERJAYA MENGUBAH PERSEPSI MASYARAKAT UMUM BAHAWA ALIRAN TVET MAMPU MENGHASILKAN MODAL INSAN YANG BERKUALITI DAN BOLEH BERSAING DI PERINGKAT GLOBAL.**

**DALAM KONTEKS INI, GRADUAN TVET YANG DILAHIRKAN PERLU MENDAPAT PENDIDIKAN HOLISTIK YANG SEIMBANG ANTARA BIDANG AKADEMIK DAN KEMAHIRAN TEKNIKAL. MEREKA BUKAN SAHAJA MEMILIKI KEMAHIRAN TEKNIKAL SEIRING KEPERLUAN INDUSTRI.**

**KERJASAMA DAN JALINAN YANG ERAT ANTARA INDUSTRI DAN KOMUNITI ADALAH PENTING BAGI MEMASTIKAN SEMUA LAPISAN MASYARAKAT BERSEDIA MENERIMA LEDAKAN REVOLUSI INDUSTRI 4.0. PENGLIBATAN INDUSTRI AKAN MENYUMBANG KEPADA PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI DAN MENGUBAH LANDSKAP SOSIOEKONOMI KOMUNITI SETEMPAT.**

**PIHAK INDUSTRI DENGAN KERJASAMA INSTITUSI TVET MEMAINKAN PERANAN YANG BESAR DALAM MENGUKUHKAN EKONOMI KOMUNITI SETEMPAT MENERUSI PELBAGAI AKTIVITI BERASASKAN KEUSAHAWANAN DAN LATIHAN KEMAHIRAN. IA MAMPU MENINGKATKAN TARAF HIDUP DAN PENDAPATAN BAGI SESEBUAH KOMUNITI.**

**KECANGGIHAN TEKNOLOGI MASA KINI TELAH MEWUJUDKAN DUNIA TANPA SEMPADAN DAN INI PERLU DILIHAT SEBAGAI PELUANG UNTUK MENINGKATKAN PRESTASI DIRI DENGAN PELBAGAI KEMAHIRAN BARU SEBAGAI PERSIAPAN DAN CABARAN MENAKLUK DUNIA PEKERJAAN**

**SEBELUM MENGUNDUR DIRI, SEKALI LAGI SAYA MENGUCAPKAN  
TAHNIAH DAN SYABAS KEPADA PARA GRADUAN SEMPENA  
MAJLIS KONVOKESYEN KALI KE-18 INI. SEMOGA POLITEKNIK  
SEBERANG PERAI AKAN TERUS MAJU JAYA DAN CEMERLANG  
SEBAGAI SEBUAH INSTITUSI PENERAJU TVET YANG UNGGUL.**

**DENGAN LAFAZ “BISMILLAHIRAHMANIRAHIM” SAYA  
MERASMIKAN SIDANG PERTAMA MAJLIS KONVOKESYEN  
POLITEKNIK SEBERANG PERAI KE-18 PADA PAGI INI.**

**SEKIAN, WABILLAHITAUFIK WALHIDAYAH,  
WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN  
SALAM SEJAHTERA.**